

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]

TARIKH : 25.3.2015

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menyeragamkan sukatan pelajaran sistem pendidikan pra sekolah dalam memastikan tahap pendidikan sama dimiliki semua murid sebelum memasuki Sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan semua prasekolah dan tadika menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 digunakan oleh semua prasekolah KPM, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri dan sektor swasta.

Bagi memastikan pelaksanaan Akta Pendidikan dipatuhi, KPM telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2010 Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan** yang mengarahkan semua prasekolah dan tadika menggunakan KSPK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KSPK yang digubal bertujuan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Di samping itu, KSPK dapat meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak. Pelaksanaan KSPK dapat memastikan tahap pendidikan sama dimiliki semua murid sebelum memasuki Sekolah Kebangsaan.

RJM63